



**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PENGECCUALIAN CUKAI BAGI
TERIMAAN WANG SUMBANGAN/HADIAH/DERMA
DI BAWAH SUBSEKSYEN 44 (6) AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	TUJUAN	2
2	LATAR BELAKANG	2
3	SYARAT DAN PERATURAN PENGECUALIAN CUKAI SUBSEKSYEN 44(6) ACP	2
4	TATACARA PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP	3
5	MANFAAT PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KEPADA PEMBERI SUMBANGAN / HADIAH / DERMA	3
6	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PTJ	4
7	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN BENDAHARI	4
8	PENUTUP	4

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan tatacara permohonan pengecualian cukai di bawah subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi terimaan wang dalam bentuk sumbangan/hadiah/derma.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 UPSI telah mendapat kelulusan pengecualian cukai di bawah subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 melalui surat rujukan LHDN.01/35/42/51/179-6.4900 pada 9 Ogos 2000 berkuatkuasa 1 Ogos 2020 (**Lampiran A**).
- 2.2 Kelulusan ini memberi maksud pihak Universiti diberi kuasa untuk mengeluarkan resit pengecualian cukai ke atas sumbangan / hadiah / derma yang diterima dalam bentuk tunai atau melalui perbankan internet, cek/ kiriman wang/ wang pos/ draf bank.

3.0 SYARAT DAN PERATURAN PENGECUALIAN CUKAI SUBSEKSYEN 44(6) ACP

- 3.1 Sumbangan/ hadiah/ derma yang diterima hendaklah bebas dari sebarang syarat dan ikatan.
- 3.2 Sumbangan/ hadiah/ derma yang diterima perlu digunakan mengikut tujuan yang dinyatakan oleh pemberi sumbangan dan selaras dengan tujuan permohonan dibuat.
- 3.3 Penggunaan hasil sumbangan/ hadiah/ derma hendaklah mengikut kepada peraturan kewangan Universiti yang berkuatkuasa.
- 3.4 Sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan sumbangan/ hadiah/ derma yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya untuk aktiviti bagi mencapai objektif sumbangan/hadiah/derma.
- 3.5 Lebihan hasil sumbangan/ hadiah/ derma yang tidak dibelanjakan adalah menjadi hak mutlak Universiti dan tidak akan dipulangkan kepada pemberi sumbangan / hadiah / derma.
- 3.6 Resit pengecualian cukai **tidak layak** diberi kepada penyumbang yang gagal mengemukakan butiran seperti berikut:
 - 3.6.1 – Nama Penyumbang (Individu / Syarikat)
 - 3.6.2 – Alamat Penuh Penyumbang (Individu / Syarikat)
 - 3.6.3 – Nombor Kad Pengenalan / Nombor Pendaftaran Syarikat
- 3.7 Kutipan sumbangan/ hadiah/ derma yang melibatkan badan pelajar perlu mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar di mana permohonan kutipan sumbangan daripada pihak luar perlu melalui TNC HEPA terlebih dahulu sebelum mendapat kelulusan Naib Canselor.

4.0 TATACARA PERMOHONAN PENGECCUALIAN CUKAI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP

- 4.1 Fakulti/PTj perlu melengkapkan Borang Permohonan Kelulusan Kutipan Sumbangan Berinsentif Pengeccualian Cukai Seksyen 44 (6) seperti di **Lampiran 1**.
- 4.2 Mengemukakan borang dan dokumen sokongan program/aktiviti/penajaan yang telah diluluskan oleh Universiti kepada Jabatan Bendahari.
- 4.3 Jabatan Bendahari menyemak keperluan sumbangan/ hadiah/ derma dan mengemukakan kelulusan pengeccualian cukai.
- 4.4 Pemberi sumbangan menyalur peruntukan dan mengemukakan bukti bayaran kepada PTJ/Jabatan Bendahari.
- 4.5 PTj melengkap dan mengemukakan Daftar Terimaan Sumbangan/ Hadiah/ Derma seperti di **Lampiran 2**.
- 4.6 Jabatan Bendahari mengesahkan terimaan dan mengeluarkan resit kepada pemberi sumbangan.
- 4.7 Rujuk Carta Alir Permohonan Pengeccualian Cukai Di Bawah Seksyen 44 (6) seperti di **Lampiran 3**.

5.0 MANFAAT PENGECCUALIAN CUKAI PENDAPATAN KEPADA PEMBERI SUMBANGAN / HADIAH / DERMA

- 5.1 Penderma-penderma yang memberi sumbangan dan derma layak mendapat tolakan atas sumbangan dan derma mereka dalam pengiraan pendapatan agregat. Derma atau sumbangan adalah terhad 7% daripada pendapatan agregat kepada individu dan 10% daripada pendapatan agregat kepada syarikat.
- 5.2 Hanya sumbangan dan derma-derma wang tunai yang disokong oleh resit-resit rasmi layak untuk tolakan. Sumbangan dan derma barangan (misalnya makanan, pakaian, komputer, saham dan bahan binaan) **tidak layak** untuk tolakan cukai.
- 5.3 Hanya resit rasmi Universiti yang dinyatakan butiran serta memenuhi keperluan yang digariskan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia seperti berikut yang layak digunakan bagi tujuan pengeccualian ini:
 - 5.3.1 – Nama dan alamat Universiti Pendidikan Sultan Idris
 - 5.3.2 – Nombor siri resit rasmi
 - 5.3.3 – Catatan:-

“Dikeccualikan Cukai Pendapatan menurut Seksyen 44 (6)
Akta Cukai Pendapatan 1967:
Ruj: LHDN.01/35/42/51/179-6-4990
No Warta Kerajaan:

”

6.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PTJ

- 6.1 Memastikan syarat, peraturan dan tatacara permohonan pengecualian cukai di bawah Seksyen 44(6) seperti di Para 3 dan Para 4 di atas dipatuhi.
- 6.2 Menyimpan semua rekod dan dokumen program/aktiviti untuk dikemukakan kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (KPHDN) untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan.

7.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN BENDAHARI

- 7.1 Menyemak dan meluluskan permohonan pengecualian cukai.
- 7.2 Mengeluarkan resit rasmi UPSI yang diperlukan oleh pemberi sumbangan bagi membuat tuntutan pengecualian cukai.
- 7.3 Menghantar Penyata Kewangan tahunan yang telah beraudit oleh Juruaudit Awam bertauliah sebelum atau pada 30 April setiap tahun kepada: –

Jabatan Dasar Percukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil, Aras 17
Persiaran Rimba Permai,
Cyber 8, 63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

- 7.4 Melampirkan maklumat berikut bersama-sama penyata kewangan:-
 - i. Senarai penderma yang telah menderma sebanyak **RM20,000.00 dan ke atas**.
 - ii. Senarai penerima bantuan yang lengkap dengan butiran berikut:-
 - Maklumat penerima bantuan (Nama, nombor kad pengenalan, amaun, jenis bantuan)
 - Maklumat institusi atau organisasi yang menerima bantuan (Nama, alamat dan nama pengarah institusi atau organisasi)
- 7.5 Menyimpan rekod dan dokumen institusi atau organisasi untuk dikemukakan kepada KPHDN untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.
- 7.6 Menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan kepada KPHDN selewat-lewatnya pada 30 April setiap tahun diperuntukkan di bawah seksyen 77 ACP 1967.

7.0 PENUTUP

- 7.1 Garis panduan ini adalah menjadi sebahagian daripada peraturan kewangan UPSI yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

Sumber Rujukan :-

1. Akta Cukai Pendapatan 1967
2. Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 - LHDN.01/35/42/51/179 bertarikh : 30 Januari 2020
3. Ketetapan Umum No.4/2018 LHDN - Pencukaian Individu Bermastautin Bahagian 1 – Hadiah Atau Sumbangan Dan Potongan Yang Dibenarkan (Tarikh 13 September 2018)